

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA UPACARA PECAH TANAH MENARA TELEKOM MALAYSIA

TEMPAT: JALAN PANTAI BAHARU, KUALA LUMPUR

TARIKH: 31 MAR 1995

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Telekom Malaysia kerana menjemput saya untuk merasmikan upacara Pecah Tanah Menara Telekom pada hari ini.

2. Upacara yang bersejarah ini mencatatkan satu lagi kemajuan Telekom Malaysia dalam usaha mempertingkatkan pembangunan industri telekomunikasi negara sejajar dengan matlamat pembangunan negara.

3. Pembinaan Menara Telekom ini akan menjadi satu lagi mercutanda Kuala Lumpur yang boleh dibanggakan. Tambahan lagi, rekabentuk dan pembinaan bangunan ini adalah hasil gabungan pemikiran dan kepakaran tenaga tempatan yang kini setanding dengan kepakaran luar negara.

4. Saya yakin kehalusan dan keunikan senibina tempatan yang menjadi tradisi kita sejak zaman-berzaman akan diterapkan di dalam pembinaan bangunan ini di samping mengambilkira aspek-aspek kemodenan dan teknologi. Gabungan antara dua aspek ini akan menjadikan Menara Telekom sebagai sebuah bangunan yang unik di negara kita dan setaraf dengan negara-negara maju. Keunikan senibina ini tentu sekali akan dapat menarik perhatian para pelancong dan pelabur.

5. Pertumbuhan ekonomi negara kini terus mencatatkan satu peningkatan yang memberangsangkan. Kejayaan ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional membangunkan negara. Pada tahun 2020 kelak Malaysia, insya-Allah, akan menjadi satu lagi negara maju yang dapat bersaing dengan negara-negara yang telah maju.

6. Permintaan terhadap perkhidmatan telekomunikasi di negara ini menjadi amat penting dan mustahak sejajar dengan arus perkembangan negara yang bergerak pantas. Ledakan maklumat terkini menjadi satu fenomena baru yang hangat diperkatakan dan mendapat tempat yang utama. Kepentingan maklumat, agihan yang tepat dan pantas akan dapat membentuk sistem pengurusan yang cekap dan berkesan di samping meningkatkan daya saingan kita dengan dunia luar.

7. Di negara-negara yang telah maju, mereka telah membina lebuhraya maklumat atau 'information super highway' dan menggunakan sistem multi-media yang cepat dan cekap di dalam

pentadbiran dan pengurusan di organisasi mereka. Seharusnya kita juga perlu sensitif dan mengeksploitasikan teknologi canggih seperti ini kerana hanya melalui cara ini barulah kita akan dapat bergerak setanding dengan mereka yang lebih maju. Sudah tiba masanya untuk kita merangka satu rangkaian maklumat yang bersepadu daripada semua aspek, sama ada di sektor awam mahu pun di sektor swasta. Permintaan terhadap rangkaian maklumat yang tepat dan cepat menjadi satu kemestian terutama bagi pelabur-pelabur asing yang datang ke negara kita.

8. Dasar Kerajaan yang pragmatik dan berpandangan jauh telah mampu menjuruskan satu fokus yang baik dan jelas. Dasar Penswastan yang dirancang dengan teliti dan berhati-hati dengan matlamat mempertingkatkan taraf pembangunan negara kini telah terbukti berjaya walaupun pada peringkat awalnya Kerajaan menghadapi tekanan dan rungutan daripada mereka yang kurang berkeyakinan.

9. Kejayaan yang telah ditempa oleh Telekom Malaysia dari semasa ke semasa sudah cukup membuktikan kepada semua masyarakat bahawa Dasar Penswastan yang diilhamkan oleh Kerajaan adalah baik.

10. Telekom Malaysia bukan sahaja telah dapat mempelbagaikan perkhidmatan kepada pengguna dalam jangka masa yang singkat, malah hasil daripada kecekapan pengurusan dan pekerjaannya, Telekom Malaysia telah dapat menembusi pasaran dunia luar seperti India, Sri Lanka, Bangladesh, Kampuchea, Indonesia, Sudan dan Oman.

11. Peningkatan kemajuan Telekom Malaysia tambah nyata apabila dilihat pada keuntungannya yang melebihi RM1.3 ribu juta pada tahun 1994 berbanding dengan hanya RM4.9 juta pada tahun 1987. Peningkatan keuntungan ini diperolehi melalui peningkatan kecekapan pengurusan, kesungguhan dan perubahan sikap pekerja-pekerja sendiri. Saya percaya dan yakin bahawa kecekapan yang ada pada kita dan kesanggupan untuk bekerja keras akan dapat menghasilkan satu pencapaian yang lebih baik dan sekaligus membolehkan kita menembusi pasaran dunia luar.

12. Hari ini banyak kemajuan telah dicapai hasil daripada perancangan yang melibatkan kedua-dua sektor, Kerajaan dan swasta. Tetapi masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan untuk memastikan kejayaan yang diperolehi pada hari ini berterusan dan mempunyai kesinambungan.

13. Penyaluran maklumat tidak seharusnya tertumpu kepada kawasan bandar-bandar besar sahaja tetapi hendaklah juga diperluaskan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Adalah penting setiap rakyat Malaysia dapat menikmati hasil pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan walaupun di daerah yang terpencil. Pembangunan yang dirangka haruslah dinikmati bersama oleh semua golongan rakyat. Justeru itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan semua pembangunan dan kemajuan teknologi yang terkini dapat dimanfaatkan oleh

rakyat sebaik mungkin.

14. Kerajaan sentiasa peka terhadap permintaan rakyat yang mahukan pembangunan. Dasar Telekomunikasi Negara yang dilancarkan pada 17 Mei 1994 telah dirangka untuk memberikan satu laluan yang selesa dan menarik kepada seluruh rakyat di samping menarik lebih banyak pelaburan luar untuk masuk ke negara kita di masa akan datang. Sudah tiba masanya kita bergerak pantas dalam industri telekomunikasi kerana ianya merupakan salah satu faktor penggalak untuk menarik minat pelabur asing terus melabur di negara kita.

15. Sekali lagi ingin saya mengulangi bahawa kecekapan boleh diperolehi oleh sesiapa sahaja yang sanggup mempelajari dan mengulangi sesuatu yang dituntut berkali-kali. Lebih daripada itu, kecekapan yang dikuasai oleh satu generasi akan diwarisi oleh generasi-generasi yang berikutnya sebagai warisan budaya sementara tahap kecekapan akan meningkat. Sebab fenomena inilah maka kita dapati ada bangsa-bangsa yang terkenal dengan kecekapan-kecekapan tertentu yang menjadi seni dan budaya bangsa berkenaan. Demikianlah orang Bali terkenal dengan kecekapan mengukir kayu, orang Jepun dengan kehalusan kerja tangan, orang Iran dengan permaidani dan orang Eropah dengan kejuruteraan dan teknologi.

16. Saya yakin jika kita semua berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai kecekapan dalam bidang teknologi dan kejuruteraan, generasi bangsa Malaysia yang akan datang secara semulajadi akan memiliki kecekapan dalam bidang ini. Ia akan menjadi sebahagian daripada budaya bangsa. Dengan budaya ini, pembangunan dan keupayaan kita akan meningkat sepanjang masa dan kita akan benar-benar menjadi bangsa yang maju.

17. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih kepada Telekom Malaysia dan semua pihak terlibat yang telah bekerjasama untuk memastikan kejayaan projek ini.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Upacara Pecah Tanah Menara Telekom pada hari ini.